

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**ANALISIS PEMBANGUNAN WAKAF  
INFRASTRUKTUR DALAM  
PEMBANGUNAN HARTANAH  
WAKAF DI MALAYSIA**

**HIKMAH BINTI ABD RAHIM**

Disertasi dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Sarjana**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
KONTEMPORARI**

**September 2022**

## **ABSTRAK**

Wakaf merupakan medium untuk memperkasakan ekonomi ummah. Pembangunan wakaf merupakan suatu yang penting dalam mengatasi banyak tanah-tanah wakaf yang terbiar dan belum dibangunkan. Tanah-tanah yang diwakafkan berpotensi untuk dibangunkan melalui pelaksanaan wakaf infrastruktur. Pembangunan wakaf infrastruktur dalam pembangunan hartanah wakaf di Malaysia sudah mula berkembang maju sesuai dengan perkembangan masa kini. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep dan pemahaman wakaf infrastruktur menurut perspektif Islam yang menjadi asas kepada pelaksanaan instrumen wakaf. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis kaedah pentadbiran dan pengurusan institusi wakaf di Malaysia dalam membangunkan harta wakaf khususnya melibatkan wakaf infrastruktur. Pembangunan wakaf infrastruktur yang sesuai untuk dilaksanakan oleh institusi-institusi wakaf di seluruh Malaysia juga akan dicadangkan. Kajian ini menggunakan metodologi pengumpulan data melalui kaedah kajian perpustakaan, kajian lapangan dan kajian dokumentasi. Data dan maklumat dianalisis menggunakan metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif. Hasil daripada kajian mendapati wakaf infrastruktur telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW, sesuai dilaksanakan pada masa kini serta mampu menjadi garis panduan dalam pelaksanaan wakaf dalam konteks semasa. Kajian juga mendapati kaedah pentadbiran dan pengurusan institusi wakaf adalah berbeza mengikut negeri antaranya dalam urusan pelantikan nazir khas, pelaksanaan pembangunan secara usahasama, dan inisiatif mengadakan pelbagai pertemuan untuk berbincang dan merangka pelan pembangunan bersama agensi-agensi lain yang berkaitan. Hasil daripada kajian ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak pentadbiran dan pengurusan institusi wakaf di seluruh negara bagi merencanakan lagi pembangunan wakaf, khususnya melibatkan pembangunan wakaf infrastruktur di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah SWT, di atas kesempatan dan ruang yang diizinkan-Nya, dapat menyempurnakan penulisan tesis ini dengan baik. Dalam ruangan dan kesempatan, penulis ingin menzahirkan ribuan dan penghargaan khas kepada Dr. Mohd Ashrof Zaki bin Yaakob selaku penyelia utama kepada tesis ini. Ribuan terima kasih ditujukan juga kepada Dr. Azri bin Bhari sebagai penyelia bersama dalam memberi bimbingan, sokongan, dokongan, tunjuk ajar, bimbingan, komentar dan cadangan sepanjang penulisan tesis ini dalam meneliti setiap bibit penulisan sehingga penulisan akhir tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak pengurusan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam yang terlibat membantu dalam menyiapkan penulisan ini.

Selain itu, ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada para informan antaranya Encik Muhammad Fairus Bin Abd. Rahim (Majlis Agama Islam Kedah), Puan Syazwarina Binti Mohd Razali (Perbadanan Wakaf Selangor), Ustaz Khairul Hazwani Bin Ahmad Ustaz Khairul Hazwani (Majlis Agama Islam Johor), Encik Bahrin bin Bakri (Waqaf An-Nur Corporation), Ustaz Mohd Andri Bin Abu Bakar (Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu) dan Encik PG Ahmad Hilmi Bin Hj PG Daud (Majlis Ugama Islam Sabah) sudi meluangkan masa untuk ditemu bual dan memberi kerjasama yang baik dalam berkongsi maklumat pentadbiran dan pengurusan berkaitan dengan wakaf infrastruktur dalam pembangunan hartanah di Malaysia. Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan semua institusi yang berkaitan pentadbiran dan pengurusan wakaf di Malaysia.

Dalam ruang kesempatan ini juga, penghargaan terima kasih ditujukan juga kepada ayahanda tercinta Abd Rahim bin Muhd Zain, bonda tercinta Rosliana binti Ahmad Ramli serta ayah dan ibu mertua Ahmad Shaiful Nizam bin Amir Sidek dan Norilah binti Illias. Tidak dilupakan juga kepada suami tersayang Akmal Shafiq bin Ahmad Shaiful Nizam yang sentiasa memberi sokongan dan semangat dalam menyiapkan penulisan ini. Seterusnya kepada adik-beradik, ipar dan biras yang juga membantu memberi semangat dalam menyempurnakan penulisan tesis ini. Terima kasih ditujukan juga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam penyempurnaan tesis ini.

Akhir kata, semoga penulisan kajian ini sedikit sebanyak memberi pengetahuan dan manfaat kepada semua pihak terutamanya yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan institusi wakaf di Malaysia dan memberi manfaat kepada umat Islam dan selainnya.

# ISI KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xii</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Masalah Kajian	1
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.5.1 Universiti	5
1.5.2 Masyarakat	5
1.5.3 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)	6
1.5.4 Kerajaan	6
1.5.5 Negara	7
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	7
1.7 Definisi Tajuk	8
1.7.1 Wakaf	8
1.7.2 Infrastruktur	8
1.7.3 Pembangunan	9
1.7.4 Wakaf Infrastruktur	9
1.8 Sistematika Penulisan	9
1.9 Kesimpulan	10

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bab pertama ini akan membincangkan mengenai pengenalan dan latar belakang masalah kajian. Persoalan-persoalan yang timbul berkaitan pembangunan wakaf infrastruktur dinyatakan dalam bab ini. Beberapa objektif kajian akan dinyatakan dalam bab ini. Seterusnya, bab ini juga membincangkan kepentingan kajian kepada individu, masyarakat, kerajaan dan negara. Skop kajian dan definisi tajuk juga dibincangkan dalam bab ini. Sistematika penulisan dibincangkan dan diakhiri dengan kesimpulan kepada keseluruhan perbincangan dalam bab pertama ini.

### **1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian**

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai 14 buah negeri. Setiap negeri tersebut mempunyai institusi yang menguruskan berkaitan dengan wakaf. Intitusi wakaf dapat membangunkan ekonomi ummah kerana wakaf memainkan peranan sebagai penggerak kepada pembangunan sosio ekonomi dan mempunyai potensi yang tinggi (Malik & Mohd Shafiai, 2016). Wakaf secara teorinya tidak tertumpu hanya kepada tujuan ibadah sahaja seperti mendirikan sekolah-sekolah agama, tanah perkuburan, masjid dan surau yang telah menjadi kebiasaan dan pemahaman masyarakat dahulu kala. Pembuktian daripada sejarah terdahulu dilakukan terhadap pembangunan wakaf bahawa pembangunan wakaf tersebut masih relevan dan sesuai dilaksanakan mengikut tuntutan semasa (Mahmood & Markom, 2014). Wakaf perlu diperluaskan mengikut peredaran perkembangan semasa dengan pembangunan melalui pembinaan infrastruktur yang masih meliputi ruang lingkup yang sesuai di sisi syarak (Yaakob, 2018).

Pelaksanaan wakaf infrastruktur merupakan amalan yang penting kerana telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW. Bermula dengan zaman Rasulullah SAW, institusi wakaf memainkan peranan untuk memenuhi tuntutan agama dan keperluan masyarakat dengan menyediakan kemudahan infrastruktur dan untuk tujuan ibadah